

Praktis PT3 Bahagian A

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Semasa berkunjung _____ bengkel kraf tangan itu, mereka berpeluang untuk mempelajari cara-cara menenun kain songket.
- | | |
|-------------|----------------|
| A di | C pada |
| B ke | D dalam |

2. Tarian zapin yang terkenal di negeri Johor dikatakan telah dibawa masuk _____ Hadramaut, Yaman oleh para pedagang Arab pada awal abad ke-16.
- | |
|-------------------|
| A dari |
| B pada |
| C melalui |
| D daripada |

3. Adik Idham duduk di _____ ibunya sejak persembahan itu bermula hinggalah persembahan itu tamat.

- A tengah
- B sisi
- C penjuru
- D hujung

4. Murid-murid mengunjungi galeri sejarah itu untuk mendapat maklumat _____ sejarah penjajahan Inggeris di Perak.

- A akan
- B dengan
- C tentang
- D melalui

5. Bangunan Sultan Abdul Samad didirikan di _____ kawasan seluas 10 200 meter persegi.

- | | |
|--------|----------|
| A tepi | C bawah |
| B atas | D antara |

6. Ibu melayur daun pisang itu _____ dibuat pembungkus kuih koci.

- A bagi
- B demi
- C untuk
- D daripada

7. Industri kraf tangan dapat dimajukan kerana banyak pelancong luar membeli kraf tangan _____ cenderamata.

- A untuk
- B bagi
- C melalui
- D sebagai

8. Restoran ini menggunakan pinggan mangkuk yang diperbuat _____ seramik.

- | | |
|----------|------------|
| A dari | C daripada |
| B dengan | D oleh |

Praktis PT3 Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1. Kami singgah ke gerai Pak Saad untuk menikmati cendol yang menjadi kegemaran ibu.

2. Kami merujuk segala kemusykilan tentang perjalanan majlis ini dengan urus setia program tersebut.

3. "Kita hendaklah bekerjasama dalam usaha memajukan seni kraf tangan yang diwarisi dari nenek moyang kita ini," kata Tuk Apit.

4. Laman sosial dalam Internet menjadi wahana pada para remaja untuk berkongsi aktiviti mereka dengan rakan-rakan.

5. Panorama indah Pulau Langkawi dapat dinikmati dari kaki gunung ini.

6. Rumah Pak Deris yang terletak di tengah sungai ini telah dibawa arus semasa banjir tahun lepas.